

## **Isu 'kutty': Pengurusan kes 28 Februari**

**KUALA LUMPUR:** Saman fitnah bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi kerana mengeluarkan kenyataan palsu yang mempersoal keturunannya ditetapkan untuk pengurusan kes di Mahkamah Tinggi 28 Februari ini.

Perkara tersebut dimaklumkan peguam Mior Nor Haidir yang mewakili Dr. Mahathir selepas tamat prosiding dalam talian di hadapan Timbalan Pendaftar, Nor Afidah Idris.

Hadir sama pada prosiding tersebut ialah peguam defendan, Intan Hanis Afiqah Razali.

Pengurusan kes itu akan didengar di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Rozana Ali Yusoff.

Menurut Mior Nor Haidir, pihaknya sudah bersedia dan akan meneruskan saman berkenaan memandangkan tidak wujud ruang antara anak guamnya dengan Ahmad Zahid yang dinamakan sebagai defendan untuk menyelesaikannya di luar mahkamah.

Pada 20 Ogos 2022, Dr. Mahathir memfailkan saman fitnah terhadap Ahmad Zahid kerana mengeluarkan kenyataan palsu yang mempersoal keturunan dan perjuangan politik beliau ketika Mesyuarat UMNO Bahagian Kelana Jaya, enam tahun lalu.

Dalam pernyataan tuntutan, Dr. Mahathir, 97, selaku plaintif mendakwa Presiden UMNO itu antara lain mempertikai asal usulnya yang dikatakan bukan berketurunan Melayu ekoran perkataan 'kutty' didakwa tertera pada kad pengenalan berwarna biru dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Menurut bekas Ahli Parlimen Langkawi itu, rakaman video mesyuarat tersebut yang berlangsung pada 30 Julai 2017 kemudian diterbitkan semula dalam akaun Youtube Astro Awani dan telah mencatat 148,199 tontonan.